

Layanan buruk Hospital Jitra jejas nama baik Dr. Mahathir

ALOR STAR 3 Jan. — Layanan buruk yang diberikan oleh kakitangan Hospital Jitra terhadap para pesakit akan menjejaskan nama baik Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Ahli Parlimen Kubang Pasu.

Sehubungan itu, Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad berharap Jabatan Kesihatan Negeri Kedah membuat siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap aduan yang dibuat.

Kata Shamsuddin, rungutan para pesakit terhadap petugas hospital itu bukanlah kali pertama, malah beberapa kali sebelum terjadi kepada bekas Ketua Pengarah Belia, Kementerian Belia dan Sukan, Abdul Halim Abu Bakar pada 7 Disember lalu.

“UMNO bahagian juga telah menerima rungutan daripada orang ramai mengenai layanan kurang baik petugas hospital itu sebelum ini,” kata Shamsuddin yang juga salah seorang Ahli Lembaga Pe-

lawat Hospital berkenaan hari ini.

Beliau mengulas rungutan Abdul Halim dalam runangan *Forum Utusan Malaysia* hari ini yang bertajuk *Pesara kecewa layanan doktor Hospital Jitra*.

Abdul Halim semasa hendak mendapatkan rawatan luka di kakinya telah diarah oleh pegawai bertugas hospital itu supaya mencari doktor lain atas alasan doktor Hospital Jitra sibuk.